

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

BST 303/3 - Ekologi Sumber Alam

Masa : [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

1. Tulis nota tentang **DUA** daripada tajuk-tajuk yang berikut:-
  - (a) Konsep 'Hasil Mampan Maksimum'.

(10 markah)
  - (b) Ciri-ciri satu masyarakat yang mampan.

(10 markah)
  - (c) Model 'Sumber Yang Berubah-Ubah' dalam pengurusan air.

(10 markah)
  
2. Bincangkan tentang kesan perubahan iklim global ke atas sumber-sumber biologi.

(20 markah)
  
3. Anda baru sahaja diberitahu bahawa rumah kediaman yang anda baru memperolehi itu terletak di atas tanah satu kawasan yang dua puluh tahun dahulu adalah tapak pelupusan sampah sisa pepejal.

Apakah tindakan yang anda akan mengambil? Huraikan jenis kajian yang anda harus melakukan untuk menaksirkan masalah-masalah yang anda mungkin akan menghadapi pada masa yang akan datang?

(20 markah)

[BST 303/3]

4. Apakah pandangan anda tentang kempen-kempen perdagangan yang mempromosikan barangan yang dihasilkan daripada pokok-pokok hutan hujan tropik? Dapatkah usaha yang semacam ini membantu memelihara hutan tropik, ataupun sebaliknya mempercepatkan penukaran hutan tropika semulajadi kepada ladang hutan sahaja?

(20 markah)

5. Pada pendapat anda, adakah atau tiada alasan-alasan persekitaran yang baik untuk pembangunan dan pembinaan loji-loji tenaga nuklear. Bincangkan isu ini.

(20 markah)

6. Terdapat segolongan penkritik yang mengutarakan bahawa system kitar semula barangan ('goods recycling') yang kita cuba mengamalkan hari ini tidaklah begitu berkesan. Mereka menggunakan contoh keturunan harga kertas atau barangan lain yang telah dihasilkan melalui proses kitar semula sebagai satu tanda penunjuk bahawa system ini haruslah dibatalkan. Seterusnya, mereka mengatakan bahawa kita haruslah berbalik kepada cara penghasilan kertas yang lama, yang meliputi penebangan pokok-pokok untuk dijadikan bahan pulpa dan akhirnya kertas. Tambahan pula, golongan penkritik ini juga mendalilkan bahawa proses menghasilkan kertas kitar semula ini adalah satu proses yang mencemarkan alam sekitar.

Nyatakan pandangan anda tentang kritikan yang tersebut di atas?

(20 markah)

